

Membaca mematangkan fikiran

» Zulqarnain mengagumi pakar motivasi Dr Azizan Osman yang sentiasa menekankan semua aspek kehidupan untuk menjadi insan berjaya

◦ Dari muka 1

Boleh ceritakan serba sedikit mengenai diri anda?

Saya dilahirkan di Hospital Kulai merupakan anak bongsu daripada sembilan adik-beradik. Kini berada di Tingkatan Lima Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS), Klang. Saya bercita-cita menjadi seorang pelabur ekonomi dalam bidang pertanian yang kebiasaannya diterajui oleh bangsa lain. Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) saya merancang belajar berkaitan keusahawanan.

Apa yang menyebabkan anda cenderung untuk menyertai aktiviti nilam dan debat ini?

Saya mula membaca sejak berada di Tingkatan Satu, bermula dengan pembacaan santai yang diperoleh di perpustakaan. Pendorong utama saya adalah abang keenam yang sentiasa memberi galakkan dengan menyatakan akan kepentingan seseorang itu, mencari ilmu.

Beliau sering menasihati kepada saya bahawa ilmu itu penting untuk menjadi insan berjaya yang hanya boleh diperoleh melalui pembacaan, bermula detik itu saya bertekad untuk menjadikan aktiviti membaca sebagai aktiviti harian. Selain itu, keluarga turut memberi dorongan dengan menyediakan

perbelanjaan khas bagi membeli bahan bacaan yang saya minati.

Melalui pembacaan saya mendapati ia dapat memantapkan pemikiran seseorang dan lebih terbuka selain meningkatkan keyakinan mereka terutama dalam berkomunikasi.

Bagaimana anda mula terbabit dalam pengu-capan awam?

Saya mula aktif sejak tahun lalu, apabila guru memberitahu saya mempunyai potensi besar dalam aktiviti pengucapan awam, selain dilihat seorang yang lantang menyuarakan pendapat dan menyampaikan ilmu kepada orang lain. Berpegang kepada motto 'Biar Hidup Berjasa' saya ingin melakukan sesuatu yang dapat memberi manfaat kepada individu lain, iaitu dengan menyampaikan berkesana bagi memberi pengetahuan baharu kepada mereka.

Melalui bacaan, saya mengetahui bahawa komunikasi adalah perkara asas yang diperlukan untuk seseorang itu cemerlang.

Siapa idola anda dalam penu-lisan?



Penolong Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan Selangor, Encik Nor Ahmad Khamzah (kiri) menyampaikan sijil penghargaan kepada Zulqarnain pada **Karnival Pusat Sumber di SK Bukit Rimau, Klang.**

Saya mengagumi Dr Azizan Osman sebagai penulis dan pakar motivasi dalam bidang pelaburan yang mempunyai misi dan visi. Dr Azizan bukan sahaja membentangkan mengenai bagaimana prinsip wang bergerak, tetapi ia mengaitkan syariat Islam dalam semua aktiviti pelaburan yang dijalankan.

Nasihat anda kepada pelajar lain?

Bagi saya minat membaca perlu didorong sejak kecil, pelajar yang tidak gemar membaca perlu memupuk minat itu dengan cara membaca sesuatu diminati yang lebih santai seperti majalah atau buku cerita ringkas untuk menarik minat mereka dengan aktiviti ini.



INFO

BIODATA

Nama: Muhammad Zulqarnain Sujud

Umur: 17 Tahun

Hobi: Membaca

Pencapaian:

☉ Menyertai Debat Musleh 2014

☉ Sajak Farawell Dinner International

And Youth Gathering 2015

Peringkat Kebangsaan

☉ Debat CIDM 2014

☉ Cabaran Debat Muda Alaf 21, 2014

☉ Menyertai perintis cerita

pendek inspirasi 2015

☉ Kem Pemilihan Tokoh Nilam 2014

☉ Anugerah Cemerlang

Kokurikulum 2014